

## Ciri-Ciri Umum Ilmu Kalam di Maghribi Kajian Abū ‘Alī al-Mājiirī al-Kafif

Oleh:

Dr. Hakima Chami  
Rabat, Maghribi

Penerjemah:

Muhammad Hafizi bin Rozali

Penyunting:

M. Ayman al-Akiti

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Segala puji bagi Allah yang Maha Esa pada keagungan zatNya dan kesempurnaan sifatNya, Selawat dan salam ke atas penghulu para nabi terdahulu dan terkemudian, dan redha Allah ke atas keluarga baginda dan para sahabatnya beserta orang-orang yang mengikutinya dengan taat sehingga hari kiamat.

### Mukadimah

Sebelum menggali dan mengupas mengenai tajuk perbincangan, menjadi satu kemestian bagi kita menerangkan kajian ini dengan lebih jelas dengan membahagikannya kepada empat topik perbahasan:

Perbahasan pertama: Kandungan akidah al-Mājiirī

Perbahasan kedua: Sumber pengenalan akidah al-Mājiirī

Perbahasan ketiga: Mazhab Ash‘arīnya al-Mājiirī yang kita sebutkan mengenai pada tajuk *al-Khaṣa’iṣ al-‘Āmmah li ‘ilm al-Kalām al-Ash‘arī*, kemudian diikuti perbahasan ini dengan penutup yang kita dedahkan padanya natijah penting pembelajaran dan perbahasan ini.

### Perbahasan Pertama: Kandungan Akidah al-Mājiirī

Abū ‘Alī al-Ḥasan bin ‘Alī al-Mājiirī<sup>1</sup> al-Kafif al-Asafī (m. sekitar tahun 668H)<sup>2</sup> merupakan salah seorang tokoh terkemuka yang mendokong fahaman akidah Ash‘ari di Maghribi; kerana beliau menjadi watak penting dalam sejarah perkembangan mazhab ini iaitu ketika peringkat penyerapan dan penyebarannya yang meluas<sup>3</sup>, namun begitu, beliau semakin hilang dalam aspek pembelajaran ilmiyyah, dan antaranya adalah Yūsuf Iḥnānah yang tidak

---

<sup>1</sup> Dan beliau berasal daripada kabilah bani Mājiir: Mereka menduduki kawasan Dukkālāh yang berada di selatan Dukkālāh, yang bermakna orang-orang kenamaan, (Lihat Ibnu al-Ziyāt al-Tādilī, *al-Tashawuf ilā Rijāl al-Taṣawwūf*, ed. Ahmad al-Tawfiq (Rabat: Fakulti Sastera dan Sains Kemanusiaan Universiti Muhammad V, ed. 1, 1404H/1984M), 41 (37-8), dan Lisān al-Dīn al-Khaṭīb telah menyifatkan kawasan tersebut di dalam kitab *Nafāḍat al-Jirāb* dengan: “padanya banyak sekali orang-orang soleh dan pemimpin yang baik beserta ahli-ahli tilawah”. Lihat: Lisān al-Dīn al-Khaṭīb, *Nufāḍat al-Jirāb fī ‘Ulūlat al-Iḡbtirāb*, ed. Ahmad Mukhtār al-‘Abbadī (Casablanca: Dār al-Nashr al-‘Arabīyyah, 1405H/1985M), 69.

<sup>2</sup> al-Ḥāfiẓ Abū ‘Alī al-Ḥasan bin Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ḥasūn, meninggal sekitar 668 hijrah, lihat: *al-Dhayl wa al-Takmilah*: 1/69-70, dan lihat terjemahan yang khusus baginya oleh Muḥammad bin Sharīfah di dalam kitabnya *al-Mājiirīyyun wa al-Ḥafīẓ al-Mājiirī*, 51-67.

<sup>3</sup> *Taṭāwwur al-Madhab al-Ash‘arī fī al-Islāmī*, 157-207.

menyebutnya sama sekali mengenainya di dalam kitabnya: *Taṭawwur al-Madhbhab al-Ashʿarī fī al-Gharb al-Islāmī*.<sup>4</sup>

Tidak sampai kepada kami kitab-kitab al-Mājrī melainkan dua kitab sahaja:

Pertama: Kitab akidahnya yang bertajuk *Nūr al-Qulūb fī Maʿrifat ʿAllām al-Ghuyūb*,<sup>5</sup> “beliau menggunakan metod perbahasan dan pemerhatian berdasarkan metodologi al-Ashʿarīrah”.<sup>6</sup>

Kedua: *Ashal al-Ṭuruq ilā Fahm al-Mantiq*, iaitu matan mantik bertulis terawal yang sampai kepada kami di Maghribi.

Dan sebelum berbincang mengenai ciri-ciri umum pemikiran al-Ashʿarī bagi al-Mājrī, adalah menjadi satu kemestian bagi kita membentangkan buah pemikiran yang terdapat di dalam *Nūr al-Qulūb*.

Penulis memulakan kitab akidah ini dengan kalam mengenai perkara-perkara *al-Ṭabīʿiyyāb*, iaitu dengan membahagikan alam ini kepada *jawābir* dan *aʿrad*, yang merupakan pendahuluan penting bagi menunjukkan pendalilan bahawa baharunya alam ini, justeru membuktikan bahawa wujudnya Allah SWT. Kemudian beliau menyusun kitab akidah ini kepada beberapa fasal tanpa menamakannya dengan tajuk, yang mana mengandungi beberapa tema berikut: Fasal: Menjadikannya mukadimah bagi fasal-fasal lainnya, iaitu dengan memberi takrifan bagi istilah-istilah penting yang akan disebut berulang kali, seperti *al-ʿĀlam*, *al-Jawbar*, *al-ʿArd*, dan *al-Jism*, beserta pembahagian-pembahagian jisim seperti *al-Kathīf*, *al-Latīf*, *al-Nāmī*, *al-Ghayr al-Nāmī*, *al-Hayawān al-ʿĀqil*, dan lain-lain lagi. Kemudian beliau mengakhirinya dengan menyatakan pembahagian-pembahagian hukum akal bersama takrifannya, iaitu: *al-Wujūb*, *al-Istihālah*, dan *al-Jawāz*.

Dan manakala fasal-fasal selanjutnya, adalah:

Fasal: Mengandungi kalam mengenai sifat wujud yang wajib bagi Allah SWT, dan dalil bagi *qidamnya*.

Fasal: Sifat *al-Qidam*.

Fasal: Sifat *al-Qiyām bi al-Nafs*.

Fasal: Bersalahan bagi segala yang baharu dan suci daripada penyamaan dan penyerupaan dengan makhlukNya.

Fasal: Kalam mengenai wajah, dua tangan dan mata, dan penyebutan pokok inti permasalahannya.

Fasal: *al-Wahdāniyyah*, *al-Qidam*, *al-Baqāʾ*, *al-Hayāt*, *al-Qudrat*, *al-ʿIlm*, *al-ʿIrādah*, *al-Samaʾ*, *al-Baṣar*, *al-Idrāk*, dan *al-Kalām*.

Fasal: Khilaf antara ahli kalam mengenai sifat *al-Baqāʾ*: Adakah ia termasuk di dalam zat itu sendiri ataupun sifat?

Fasal: Tiga pembahagian bagi nama-nama Allah SWT, iaitu: Bahagian yang dikatakan padanya itu adalah Dia, dan bahagian yang dikatakan padanya itu bukanlah Dia, beserta bahagian yang tidak dikatakan padanya itu adalah Dia dan tidak pula Dia itu selainnya.

Fasal: Tiga pembahagian bagi sifat-sifat Allah SWT, iaitu: Bahagian yang wajib bagiNya, dan bahagian yang mustahil ke atasNya, beserta bahagian yang harus ke atasNya.

Fasal: *al-Qadar* yang wajib beriman dengannya, dan daripada apa ia berupa *murakkab*, beserta penjelasannya.

<sup>4</sup> Yūsuf Iḥnānah, *Taṭawwur al-Madhbhab al-Ashʿarī fī al-Gharb al-Islāmī* (Rabat: Kementerian Wakaf dan Urusan Islam di Maghribi, ed. 2, 2007M).

<sup>5</sup> Lihat *Febres al-Kutub al-Makḥḥūṭat fī al-Aqīdah al-Ashʿariyyah*, j2, hal 985-986.

<sup>6</sup> *al-Mājrīyyun wa al-Ḥafīz al-Mājrī*, 89.

Fasal: Perkara-perkara harus yang berlaku yang wajib diimani dengannya dan mempercayainya, dan apa yang wajib, mustahil beserta harus pada hak para nabi serta para rasul AS, mukjizat, *al-‘iṣmah*, kebangkitan dan perkara yang berkaitan dengannya mengenai kejadian hari kiamat, melihat Allah SWT, *al-tahṣīn* dan *al-taqbīh*, hukum-hukum *taklīfiyyah* yang tiada tempat bagi akal manusia padanya, *uṣūl al-istidlāl*, pengertian iman, bertambah dan berkurangnya iman, amar makruf nahi mungkar, fadilat-fadilat para sahabat, kewajipan mendirikan pemimpin pada setiap masa, dan syarat-syarat imam.

## Perbahasan Kedua: Sumber Pengetahuan Akidah al-Mājiṛī.

Kita boleh membahagikan sumber rujukan yang dipegang oleh al-Mājiṛī dalam menulis kitab akidahnya kepada dua bahagian:

1. Sumber Rujukan Tersurat: Dan yang kami maksudkan adalah rujukan yang penulis jelas memberitahu tajuknya, dan antara yang utama adalah kitab-kitab karangan Imam al-Ḥaramayn Abī al-Ma‘ālī al-Juwaynī dan Abī Ḥāmid al-Ghazālī. Perkara ini jelas suatu kebiasaan jika sekiranya kita memfokuskan bahawasanya al-Mājiṛī menulis kitab akidahnya di atas metod kedua-dua ulama kalam terkemuka Ash‘arī ini. Antara kitab-kitab al-Ghazālī yang dijadikan rujukan adalah *al-Iqtisād fī al-‘Itiqād*, dan kitab-kitab al-Juwaynī pula adalah *al-Irshād* dan *al-‘Aqūd al-Nizāmiyyah*. Seperti mana jelas juga nukilannya terhadap al-Qādī Abī Bakar al-Baqilānī<sup>7</sup>, dan menyebutkan kitabnya *al-Tambīd* dan menukilkannya daripadanya. Seperti mana penulis berpegang juga pada bukti-bukti *Lughawīyyah* yang diambil daripada kitab *al-Īdāh* karangan Abī ‘Alī al-Fārisī.

2. Sumber Rujukan Tersirat: Adalah yang dikeluarkan daripadanya dan tidak diisyaratkan olehnya secara langsung mahupun tidak langsung, antaranya seperti *al-‘Aqūd al-Burbāniyyah* karangan Abī ‘Amr ‘Uthmān al-Salālījī (m. 574H). Antara yang dapat dikutip daripada kitab akidah (*Nūr al-Qulūb*) ini adalah; *al-Tambīl li Aṣli al-Ijma’ bi al-Tawbah*<sup>8</sup>, yang mana pembuatnya adalah al-Salālījī sendiri, ketikamana beliau menyebutkannya di dalam *al-Burbāniyyah*: “Maka apa yang telah disepakati oleh umat adalah kewajiban bertaubat ketika melakukan perbuatan dosa, iaitu dengan serta merta tidak diselangnya dengan sesuatu perkara, kerana hakikatnya menyesal bagi apa yang telah dilakukan demi menjaga hak-hak Allah, maka jika dipenuhi segala syarat-syaratnya, maka sesungguhnya Allah SWT berjanji untuk menerimanya, dan barangsiapa yang mati beriman dan telah melakukan dosa-dosa besar, dan belum diberi taufik untuk bertaubat daripada dosa-dosa tersebut, maka segala urusannya diserahkan kepada Allah SWT untuk memaafkannya, atau membantunya dengan syafaat, atau menghukumnya bagi sesuatu tempoh dan memasukkannya ke dalam syurga”<sup>9</sup>. Dan antara

<sup>7</sup> Lihat perincian perbahasan mengenai terkesannya ulama kalam Maghribi terhadap al-Baqilānī, al-Juwaynī, dan al-Ghazālī dalam: Khālid Zahrī, *al-Fiqh al-Mālikī wa al-Kalām al-Ash‘arī: Muḥāwalah li Ibrāḡ Ba‘d Malāmih al-Ibda’ al-Kalāmī wa al-Ṣūfī ‘Inda Fuqahā’ al-Maghrib* (Casablanca: Dār al-Rashād al-Ḥadīthah, ed. 1, 1432H/2011M), 41-47; Khālid Zahrī, *Min ‘Ilm al-Kalām ilā Fiqh al-Kalām: Muqārabah li Ibrāḡ Ma‘ālim al-Tajdīd al-Kalāmī ‘Inda Fuqahā’ wa Ṣūfīyyah al-Maghrib* (Kuwait: Dār al-Ḍiyā’, ed. 1, 1438H/2017M), 83-111.

<sup>8</sup> al-Mājiṛīyūn, *Nūr al-Qulūb*, 112.

<sup>9</sup> Abū ‘Amr ‘Uthmān al-Salālījī, *al-‘Aqūd al-Burbāniyyah wa al-Fuṣūl al-Imāniyyah*, ed. Nizār Ḥammādi (Beirut: Mu‘assasah al-Ma‘ārif, ed. 1, 1429H/2008M) 31.

yang digunakan juga adalah seperti kitab *al-Milal wa al-Nihal* iaitu ketika beliau menyebut mengenai kebanyakan aliran al-Kalamiyyah selain Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti Mu'tazilah, Shiah, Khawārij, al-Jabariyyah, al-Karāmiyyah dan lain-lain lagi, dan kami menganggap beliau berpegang dengan *al-Milal wa al-Nihal* oleh al-Shahrastānī dan *al-Farq bayna al-Firaq* oleh 'Abd al-Qāhir al-Baghdādī kerana kedua-duanya adalah sumber yang dipegang oleh orang-orang Maghribi melebihi kitab-kitab perbandingan agama yang lain.

Perhatikan pada tajuk kitab akidah ini, iaitu *Nūr al-Qulūb fī Ma'rifat 'Allām al-Ghuyūb* yang membawa kita kepada kitab yang dinisbahkan kepada al-Imām al-Ghazālī iaitu *Mukāshafat al-Qulūb al-Muqarrib ilā 'Allām al-Ghuyūb*<sup>10</sup>.

### Perbahasan Ketiga: Mazhab Ash'arīnya al-Mājirī.

1. *Nūr al-Qulūb* karangan al-Mājirī ditambah lagi *al-Murshidah* oleh Mahdī bin Tūmart, dan *al-Burhāniyyah* karangan al-Salālījī, kesemuanya mempunyai pengaruh yang sangat kuat pada Dinasti Muwahhīdī<sup>11</sup>, dan tidak berkurang pengaruh tersebut melainkan setelah kehadiran perintis hebat pemikiran al-Ash'arī di Barat Islam iaitu Abū 'Abdillāh Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī, yang berjaya membuat akidahnya beroleh pengaruh semenjak Dinasti al-Waṭṭasī sehingga kini<sup>12</sup>.

2. Antara ciri-ciri penting yang membezakan pembawakan perbahasan kalam oleh al-Mājirī adalah beliau menyatukan perbahasan ilmu kalam, ilmu fikah beserta fan ilmu tasawuf, jika seorang ulama kalam memaksudkan 'al-Ma'rifah' (syarat bagi iman) yang mana ia adalah *al-Isṭidlāl*, maka sesungguhnya yang mereka maksudkan juga adalah *al-Ma'rifah al-Qalbiyyah* seperti mana kebiasaan ahli tasawuf, dan hal ini jelas dilihat pada dua sisi sekurang-kurangnya:

Pertama mengenai tajuk yang menjadi pilihan bagi kitab akidahnya, iaitu *Nūr al-Qulūb fī Ma'rifat 'Allām al-Ghuyūb* yang mana setiap perkataannya merujuk kepada kamus teras fahaman sufi, iaitu: *Nūr*, *al-Qulūb*, *al-Ma'rifat*, dan *al-Ghuyūb*.

Kedua adalah penulis memulakan kitab akidahnya dengan *athar* yang dinisbahkan oleh para ahli sufi kepada Rasulullah SAW, dan sentiasa berlegar dalam kalangan mereka sendiri dalam persuratan kaum sufi, iaitu *athar*: "Barangsiapa yang mengenal dirinya, sungguh ia telah mengenal Tuhannya"<sup>13</sup>."14

Manakala hubung kait ilmu kalam dan fikah itu jelas, khususnya pada perbahasan mengenai masalah "Adakah iman bertambah dan berkurang?", dan beliau menyebutkan pokok inti permasalahan (bertambah dan berkurang), itu adalah berlaku pada hukum-hukum fikah

---

<sup>10</sup> Dinisbahkan kitab ini kepada al-Ghazālī yang sebenarnya adalah bukan miliknya, kerana terdapat pemikiran yang tidak tergolong dalam lingkungan pemikiran umum al-Ghazālī.

<sup>11</sup> Khālid Zahrī, *al-Mashārī' al-Maghribiyyah li al-'Aqīdah al-Ash'ariyyah 'ala 'Abd al-Dawlah al-Munwahhidiyyah*, majalah *al-Wādīyah*, (Muassasah Dār al-Hadīth al-Hasaniyyah, bilangan 9, 1435H/2014M), 151.

<sup>12</sup> Ibid., 111-154.

<sup>13</sup> Ini bukanlah hadis tetapi ianya adalah kata-kata Yahyā bin Mu'adh al-Rāzī (Lihat Muḥammad bin 'Abd al-Raḥman al-Sakhāwī, *al-Maqāsid al-Hasanah fī Bayān Kathīrin min al-Aḥādīth al-Mushtabarah 'ala al-Asnab*, ed. Muḥammad 'Uthmān al-Khasht (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, ed. 3, 1417H/1997M), ḥadīth no: 1149; dan al-Ṣaghānī telah menghukumkannya sebagai *mawḍū'*. Lihat: Abī al-Faḍā'il al-Ḥasan bin Muḥammad al-Saghānī, *al-Mawḍū'āt*, dicetak bersama kitab *al-Durr al-Multaqā' fī Bayān al-Ghāṭ*, oleh penulis yang sama, ed. Abū al-Fidā 'Abdullāh al-Qāḍī (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, ed. 1, 1405H/1985M), ḥadīth no: 28.

<sup>14</sup> Dan antara yang mengikut manhaj ini adalah al-Imām Abū 'Abdillāh Muḥammad bin Sulaymān al-Juzūlī al-Simlālī, *'Aqīdah al-Juzūlī*, ed. Khālid Zahrī (Kuwait: Dār al-Ḍi'yā', ed. 1, 1435H/2014M), 88.

seperti solat, zakat, puasa, haji dan sebagainya, sebagaimana yang telah kita nukilkan pada permasalahan yang lalu.

### Perkara Kedua:

al-Ashā'irah telah berbeza pendapat pada sifat *al-Idrāk*; ada sebahagian mereka yang mengiktibarnya sebagai sifat *Ma'āni* seperti al-Bāqilānī, al-Imām al-Juwaynī, al-Salālijī, dan Muḥammad bin Sulaymān al-Juzūlī<sup>15</sup>, dan ada sebahagian daripada mereka yang menjadikan ianya kembali kepada sifat *al-ʿIlm*, dan tidak menyebutnya sebagai yang termasuk dalam sifat-sifat tuhan; seperti al-Sanūsī<sup>16</sup> dan al-Mājirī. Bagi mereka yang memilih untuk mengiktibarkan sifat *al-ʿIdrāk*, berkata: “Dan Dialah yang Maha Mendengar, Maha Melihat, dan Maha Mengetahui, yang *taʿalluq* pendengaran, penglihatan dan pengetahuanNya meliputi sekalian yang didengari dan dilihati pada alam”<sup>17</sup>, dan berkata: “Dan dia mengetahui apa yang didengar, dilihat, dihidu, dirasa dan disentuh, dan mengetahui apa yang berada di dalam diri kita “*خلقنا ما تعلم ما توسوس به نفسه*”<sup>18</sup>”<sup>19</sup>, seperti yang disebutkannya pada *taʿalluq* sifat *Ma'āni*: “Dan *taʿalluq* itu daripada sifat-sifat ini: *al-ʿIlm*, *al-Qudrat*, *al-Irādah*, *al-Samaʿ*, *al-Baṣar*, *al-Kalām* dan *al-Idrāk*”<sup>20</sup>.

### Perkara Ketiga:

Jumhur al-Ashā'irah berpendapat bahawa sesungguhnya sifat *Nafsiyyah* itu satu, iaitu *al-Wujūd*<sup>21</sup>, dan *al-Waḥdaniyyah* itu pula tergolong daripada sifat *Salbiyyah*, dan telah berkata sebahagian daripada mereka bahawa sesungguhnya *al-Waḥdaniyyah* itu adalah sifat *Nafsiyyah*, dan ia merupakan pendapat yang lemah bagi jumhur, kerana sifat *Nafsiyyah* itu adalah sifat yang tiada dapat dirupakan akan yang disifatinya itu tanpanya, dan *al-Waḥdaniyyah* boleh digambarkan tanpa yang disifatinya<sup>22</sup>, dan antara yang menyokong pendapat yang lemah ini adalah al-Mājirī yang berkata: “Dan hendaklah kau jadikan *al-Waḥdaniyyah* itu daripada sifat *Nafsiyyah*, kerana sesungguhnya telah disebutkan oleh ulama-ulama kalam, dan ia jelas apa yang

<sup>15</sup> Abū al-Maʿālī al-Juwaynī, *al-ʿAqīdah al-Niẓāmiyyah*, ed. Muḥammad al-Zabīdī (Beirut: Dār Sabīl al-Rashād – Dār al-Nafāʿis, ed. 1, 1424H/2003M), 162-163; Muzaffar bin ʿAbdillāh al-Muqtarāh, *Sharḥ al-Irsḥād fī ʿUlūm al-ʿItiqād*, ed. Nazīhat Amʿarīj (Tetouan: Markaz Abī al-Ḥasan al-Ashʿarī li al-Dirāsāt wa al-Buḥūth al-ʿAqdiyyah, ed. 1, 1435H/2014M), 2/497-516; *al-ʿAqīdah al-Burbāniyyah*, 27, Abī ʿUthmān Saʿīd bin Muḥammad al-ʿUqbānī, *Sharḥ al-ʿAqīdah al-Burbāniyyah*, dicetak bersama *al-ʿAqīdah al-Burbāniyyah*, 77; *ʿAqīdah al-Jazūlī*, 86.

<sup>16</sup> Abū ʿAbdillāh Muḥammad bin Yusūf al-Sanūsī, *Sharḥ al-Muqaddimāt*, ed. Nizār Ḥamādī (Beirut: Muassasah al-Maʿarif, ed. 1, 1430H/2009M), 147-148.

<sup>17</sup> *al-Mājirīyyun*: 100.

<sup>18</sup> Surah Qaf: 16.

<sup>19</sup> Op. Cit., 104.

<sup>20</sup> Ibid., 105.

<sup>21</sup> Abū ʿAbdillāh Muḥammad bin Abī al-Faḍl Qāsim al-Makkī al-Kūmī al-Tūnisī, *Taḥrīr al-Maṭālib li Ma Taḍamanathu ʿAqīdah Ibnī al-Ḥājjib*, ed. Nizār Ḥammādī (Beirut: Muassasah al-Maʿarif, ed. 1, 1429H/2008M), 97-102.

<sup>22</sup> Ibid., 182-186.

terdapat di dalam al-Quran, sepertimana firman Allah *azza wa jalla*: “وما من إلا لله و□□”<sup>23</sup>, dan al-Fārisī juga ada menyebutkannya dalam *al-Īdāb*<sup>24</sup>.

#### Perkara Keempat:

al-Ashā'irah menjadikan bahasa Arab sebagai dalil aqli, dan hasilnya banyak dilihat dari pendalilan dan pembuktian mereka, dan boleh kita lihat semuanya itu di dalam kitab *al-Luma*<sup>25</sup> oleh Abī al-Ḥasan al-Ash'arī apabila beliau menyatukan dalil-dalil aqli dengan kata-kata tarbitan menurut bahasa, dan antara Ashā'irah Barat Islam terkemuka yang mengakui manhaj ini dan menggunakannya dalam metodologi pendalilan mereka adalah seperti Abū 'Abdillāh Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī iaitu ketika berkata mengenai *Uṣūl al-Kufr wa al-Bida' al-Sab'ah*, yang mana beliau menjadikan bahasa dan bayan adalah asas bagi kaedah *al-ʿaqliyyah*, dan ini adalah nas bagi usul yang ketujuh: “Jahil dengan kaedah *al-ʿaqliyyah* yang merupakan pengetahuan bagi wajibnya suatu kewajipan, harusnya suatu keharusan dan mustahilnya suatu kemustahilan, juga jahil dengan kaedah bahasa Arab iaitu ilmu bahasa, *al-i'rāb* dan *al-bayān*”<sup>26</sup>, yang mana kita dapati ketika beliau menjadikan kesemua kaedah *al-ʿaqliyyah*, *al-i'rāb* dan *al-bayān* merujuk kepada usul yang satu, dan inilah sebenarnya yang dapat dilihat pada akidah al-Mājjirī yang kita dapati pada beberapa tempat di mana beliau mejadikan bahasa dan *al-bayān* sebagai dua usul dalam kaedah pendalilan dan menyandarkan kepada ulama-ulama besar bahasa seperti al-Fārisī di dalam *al-Īdāb*.<sup>27</sup>

#### Perkara Kelima:

Adalah sememangnya al-Mājjirī itu mengikut manhaj al-Ghazālī pada kebanyakan arah pemikirannya, dan antara buktinya adalah seperti: pembawakan kaedah mantik dalam bermuamalah dengan suatu bidang ilmu, maka sebagaimana al-Ghazālī menulis kitab yang bercirikan pengajaran ilmu mantik, iaitu: *Mihāk al-Nazar*, *Misyār al-ʿĪlm*, dan *al-Qistās al-Mustaqīm*, begitu juga al-Mājjirī yang telah menulis matan yang bercirikan pengajaran ilmu mantik seperti *Ashal al-Ṭuruq ila Maʿrifat al-Mantiq*<sup>28</sup>. Walau bagaimanapun kedua-dua tokoh ini berbeza pada pandangan mereka terhadap ilmu mantik itu sendiri yang mana al-Ghazālī telah mengiktibarnya sebagai “Mukadimah bagi ilmu secara keseluruhannya, dan barang

<sup>23</sup> Surah al-Mā'idah: 72.

<sup>24</sup> Ibid., 100

<sup>25</sup> Misal yang dapat kita berikan apabila pendalilan beliau dalam menafikan sesuatu dengan menetapkan lawannya, iaitu kaedah yang biasa digunakan oleh ulama bahasa, iaitu disebut sebagai *al-Taʿrif bi al-Didd*, dan di antaranya juga dalam mengistbatkan sifat *al-Ḥayāt* bagi Allah SWT dengan berkata: “Dalilnya adalah, bahawa yang hidup itu jika ia tidak berilmu semestinya ia disifati dengan sifat lawannya ilmu, seperti jahil, syak dan cacat”. Lihat: Abī al-Ḥasan 'Alī bin Ismā'il al-Ash'arī, *al-Luma' fi al-Radd 'ala Abl al-Zaygh wa al-Bida'*, ed. Muḥammad Amīn al-Dāwī (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, ed. 1, 1421H/2000M), 19.

<sup>26</sup> Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī, *al-Muqaddimāt*, ed. Nizār Ḥammādī (Beirut: Mu'assasah al-Ma'arif, ed. 1, 1430H/2009M), 47; dan lihat juga: *Sbarah al-Muqaddimāt* oleh penulis sendiri, dicetak bersama *al-Muqaddimāt*, 123-126.

<sup>27</sup> *Al-Mājjirīyyūn*. Lihat contoh m/s: 101 daripada “*Nūr al-Qulūb*”.

<sup>28</sup> Dicitak bersama *al-Mājjirīyyun wa al-Ḥafīẓ al-Mājjirī al-Kafīf al-Asafī*, 69-88.

sesiapa yang tidak mengetahuinya, maka ilmunya tidak boleh dipercayai walaupun sedikit”<sup>29</sup>. Manakala al-Mājiṛī pula telah mengiktibarnya sebagai satu alat kepada sesiapa yang memulakan sesuatu bidang ilmu, dan tambahan lagi ianya adalah ilmu yang diistimewakan oleh Allah kepada para waliNya, ia seperti *kashf* dan *ilhām*, seperti ungkapannya: “Dan bidang ilmu ini tidak akan diberikan oleh Allah dengan sempurnanya melainkan kepada sesiapa yang Dia cintainya daripada para wali, kerana untuk makrifat Allah dapat diketahui melalui ilmu ini”<sup>30</sup>.

#### **Perkara Keenam:**

al-Mājiṛī adalah merupakan contoh terbaik pada Dinasti Muwaḥḥidī. Tambahan lagi dikenali zaman ini dengan keprihatinan dan penjagaan mereka terhadap ilmu-ilmu al-Quran dan Sunnah<sup>31</sup>, maka disebabkan itu, kita dapat melihat beliau menulis kitab mengenai ilmu al-Quran, namun ianya masih lagi hilang sehingga kini, iaitu kitab *al-Nāsikh wa al-Mansūkh*, sepertimana beliau juga adalah merupakan seorang perawi hadis yang mulia dan mempuyai sanad yang disebut sebahagiannya oleh anak muridnya Ibnu ‘Abd al-Malik al-Murākushī di dalam *al-Dhayl wa al-Takmilah*, dan dengan sebab keprihatinan beliau terhadap riwayat dan ketekunannya dalam bidang ini maka beliau telah diberi gelaran sebagai *al-Ḥāfiẓ*, maka jadilah beliau seorang ahli kalam juga ahli hadith pada masa yang sama.

#### **Perkara Ketujuh:**

Jumhur al-Ashā‘irah berpendapat bahawasanya iman itu tidak bertambah dan tidak berkurang, kerana iman itu termasuk perkara *ma‘nawī* (abstrak), dan perkara-pekerja *ma‘nawīyyah* tidak masuk padanya sebarang bentuk pemecahan<sup>32</sup>, dan hanya sahaja bertambah dan berkurang itu berlaku pada amal dan ketaatan, tidak berlaku kepada iman itu sendiri. Namun al-Juwwaynī pula berpendapat dalam kitabnya *al-Irshād* yang bahawasanya iman itu menerima pertambahan dan pengurangan, dan sesungguhnya al-Mājiṛī telah menentukan titik perselisihan tersebut dengan menerangkan bahawasanya iman itu tertumpu kepada perkara-perkara tauhid yakni kepercayaan dan lisan, dan bertambahnya itu pula tertumpu kepada segala suruhan dan larangan fikah yang ditujukan ke atas lisan dan anggota-anggota badan, dan beliau berkata: “Jika kau telah ketahui iman itu keseluruhannya, maka yang ditumpukannya itu adalah ke atas hati, lisan dan anggota badan, maka wajiblah ke atas kau untuk mengetahui apakah perkara yang perlu dibuat pada hati, lisan dan anggota badan, dan apakah yang diperlukan untuk mencegahnya dan apa yang perlu ditinggalkannya. Maka boleh kita katakan nisbah semua rukun Islam itu ke atas penggunaan anggota badan kepada tiga bahagian: Bahagian yang digunakan padanya lisan dan hati sahaja, iaitu akidah yang merangkumi ke atasnya ilmu-ilmu bagi mengenal Allah SWT, yang dinamakan sebagai ilmu kalam dan usuluddin.

---

<sup>29</sup> Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Mustasfā min ‘Ilm al-‘Uṣūl* (Būlāq: al-Maṭba‘ah al-‘Āmirīyyah, 1325H), 1/10.

<sup>30</sup> *Ashal al-Turuq ilā Fahm al-Mantiq*, 70.

<sup>31</sup> Antara kajian yang telah dilaksanakan mengenai perkara ini antaranya: ‘Abd al-Hādī Aḥmad al-Ḥasīn, *Mazābir al-Nabḍ al-Ḥadīthiyah fi ‘Abd Ya‘qūb al-Mansūr al-Muwaḥḥidī* (Tetouan: Maṭba‘ah al-Shūwaykh, 1402H/1982M), 1/110.

<sup>32</sup> *Tahrīr al-Matālib*, 296.

Dan bahagian yang digunakan padanya oleh lisan, hati dan anggota-anggota zahir, iaitu solat dan haji.

Dan bahagian yang digunakan padanya oleh hati, bersama mencegah diri, iaitu puasa.

Dan terdapat perbezaan pandangan mengenai zakat: Adakah digunakan padanya hati atau tidak?

Dan manakala perkara larangan dan yang makruh pula, tidak digunakan padanya melainkan dengan menahan diri dan meniggalkan, dan jika dikumpulkan bersama hati, adalah lebih baik bagi menatijahkan pahala ke atasnya.

Dan antara kesempurnaan iman itu, adalah kau mengetahui apa yang perlu dibuat oleh hati dan lisan khasnya, dengan kau membaca kitab ke atas para guru yang mengetahui akan gambaran dan kebenarannya. Maka sesungguhnya barangsiapa yang tidak mengetahui gambaran hakikatnya, bagaimana untuk dia mengetahuinya?! Maka semua perbuatannya juga tanpa ilmu, kerana perbuatan orang jahil tidak dikatakan ia sebagai “perbuatan”, dan jika tidak diketahui hukumnya bagaimana untuk membezakan antara perkara fardu dan sunah beserta martabatnya, dan begitu juga dengan perkara haram dan makruh.

Maka barang siapa yang tidak megetahui akan perkara ini, maka dia tidak akan mengetahui hakikat iman dan Islam, dan tidak berhak baginya digelar mukmin. Maka jika kamu sudah mengetahui akan hal ini, dan telah kamu yakin padanya, maka hendaklah kau membersihkan orang yang mengatakan hakikat tersebut, dan membersihkannya daripada syak wasangka dan was-was, dan jadikanlah ia orang yang penuh dengan keimanan dan kesentosaan. Maka jika kau melakukannya, maka penuhilah ia dan sentosakanlah ia dengan iman kepada Allah SWT dan RasulNya SAW, dan abadikanlah serta berterusanlah kepadanya, dan janganlah engaku mensyirikkan keduanya dengan selain keduanya dalam keimanan tersebut. Jika dihiasi dengan sifat ini, maka layaklah dia digelar mukmin dan ketahuilah perbuatan dosa itu tidak akan merosakkan dia apabila melakukannya, dan tidaklah dengannya itu dia menjadi kafir. Namun begitu, hendaklah dia bertaubat daripada melakukannya dengan serta merta, secara ijmak”.<sup>33</sup>

### **Perkara Ketujuh:**

Ulama kalam membahagikan *al-istidlal* itu kepada 4 pembahagian:

Cara pertama: *Imkān al-dhawāt* (teori mungkin wujudnya zat): *al-muʿthir* (permemberi kesan) dan *al-athar* (yang terkesan).<sup>34</sup>

Cara kedua: Berdalilkan dengan adanya zat yang baharu membawa kepada wujudnya yang zat yang wajib wujud.<sup>35</sup>

---

<sup>33</sup> *Nūr al-Qulūb*, 111-112.

<sup>34</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Maʿālim ʿUṣūl al-Dīn*, ed. Nizār Ḥammādī (Kuwait: Dār al-Dīyaʿ, ed. 1, 1433H/2012M), 49.

<sup>35</sup> Telah berkata al-Imām al-Rāzī dalam kitabnya *al-Muḥassal*: “inilah cara nabi Ibrāhīm AS: “لَا تَبِ الْأَقْلِينَ”, Surah al-Anʿām: 76. Lihat: m/s: 106.



Cara ketiga: Berdalilkan dengan mungkin wujudnya sifat<sup>36</sup>, inilah cara pendalilan yang dipegang oleh Abū ‘Amr al-Salālijī dalam mengisbatkan wujudnya pencipta.<sup>37</sup>

Cara keempat: Pendalilan dengan adanya sifat yang baharu – iaitu dalil-dalil ufuk dan jiwa manusia –,<sup>38</sup> dan ini adalah mazhab *al-Sufiyyah*.

Dapat dilihat bahawa al-Mājiṛī adalah daripada golongan yang menyokong cara keempat dalam pendalilan, yang mana terungkap jelas dengan perkataanya: “Mengenal diri untuk mengenal Allah”, dan beliau menjadikannya asas bagi bahagian pertama, yang disebutkan sebagai “Mengenal Allah dengan Allah”, di mana beliau menjelaskan perkara tersebut dengan kata-katanya: “Dan apa yang telah terdahulu daripada dalil penetapan adanya pencipta, ialah dengan mengenal Allah SWT adalah melalui (mengenal) dirimu dan (mengenal) alam. Dan sesungguhnya kau telah mengetahui Allah dengan Allah itu sendiri, dan mengetahui diri kau juga dengan Allah. Maka mengenal diri dengan Allah, dan mengenal Allah dengan diri, dikembalikan kedua-duanya kepada mengenal Allah dengan Allah SWT itu sendiri. Kerana tanpaNya, kau tidak akan mengetahui sesuatu, kerana Dialah yang menciptakan pada engkau fikiran, yang kau ketahui dengannya, dan berpegang padanya secara berterusan dan berpanjangan, tatkala kau memerlukannya.

Dan secara keseluruhannya, engkau tidak akan mengetahui sesuatu melainkan hanya dengan Allah”.<sup>39</sup>

#### **Perkara Kelapan:**

Sesungguhnya kajian terhadap akidah al-Mājiṛī ini menjadikan kita ragu-ragu dalam meletakkan beliau sebagai seorang yang bermazhab Maliki pada mazhab fikahnya, namun kami lebih cenderung menyatakan beliau bermazhab Zāhirī disebabkan oleh beberapa perkara:

- 1) Kerana beliau hidup pada zaman yang dilihat berkembangnya mazhab Zāhirī dalam kalangan ulama, dan antara kalangan ulama yang bermazhab Zāhirī adalah seperti “Muḥammad al-Mahdī bin Tūmart” al-Muwaḥḥidī (m. 524H), dan al-Shaykh al-Akbar Muḥyī al-Dīn bin ‘Arabī al-Ḥātimī (m. 638H).
- 2) Beberapa rujukan ada menyebutkan bahawa bandar Āsafī pada ketika itu tidak berpegang secara keseluruhannya dengan mazhab Maliki, dan antara yang mengatakannya adalah Lisān al-Dīn ibn al-Khaṭīb dalam kitabnya *Kbaṭrat al-Ṭayf*, yang menyatakan bahawa: “Maka bandar Āsafī itu dikatakan kebbaikannya tersembunyi, janjinya ditepati, pegangan zahirnya Maliki, dan batinnya Hanafi”. Adapun ibarat “batinnya Hanafi” bukanlah nas yang menunjukkan mereka itu bermazhab Hanafi, namun ia bermaksud mazhab lain yang berlawanan dengan mazhab Maliki.

---

<sup>36</sup> *Ma’ālim ‘Uṣūl al-Dīn*, 51.

<sup>37</sup> *Al-‘Aqīdah al-Burbāniyyah*: 25.

<sup>38</sup> Seperti wujudnya alam adalah wujudnya tuhan, atau keajaiban penciptaan manusia yang bermula dari sperma sehinggalah lahirnya bayi.

<sup>39</sup> *Nūr al-Qulūb*, 95-96.

- 3) al-Mājiṛī menyebut bahawa usul pendalilan adalah: al-Quran, sunah, dan ijmak,<sup>40</sup> dan ini adalah manhaj mazhab *Zābirī* kerana bagi mazhab Maliki, mereka menambah usulnya yang keempat, iaitu kias.
- 4) al-Mājiṛī tidak mengiktibar ijmak melainkan ijmak yang *qatʿī*, dengan ungkapannya: “Maka barangsiapa yang mengingkari pendalilan dengan al-Quran, sunah, dan ijmak yang *qatʿī* adalah kafir”<sup>41</sup>, dan ini bermakna beliau tidak mengakui ijmak yang *sukūṭī*, kerana ia bukannya *qatʿī*, iaitu berbeza dengan apa yang dikatakan oleh sekalian ulama Maliki.

### Penutup:

Pada penutup kajian ini, adalah menjadi satu kemestian kepada kita untuk membentangkan natijah yang didapati daripada pembelajaran mengenai sahsiah Abī al-Ḥasan ʿAlī al-Mājiṛī, yang mana boleh kita rumuskan segalanya pada poin-poin berikut:

- 1) al-Mājiṛī tergolong berada dalam tempoh masa penting perkembangan mazhab al-Ashʿarī, iaitu semasa zaman Dinasti Muwahīdī, yang membina paksi dakwah tauhid mereka di atas landasan akidah al-Ashʿarī yang menyeru untuk kembali kepada al-Quran al-Karim dan Hadis Nabi SAW.
- 2) al-Mājiṛī adalah salah seorang tokoh yang hebat dalam ilmu kalam pada zamannya, beliau melihat bahawa ilmu tauhid itu tidak seharusnya terdiri daripada bukti-bukti akal dan dalil-dalil mantiq semata-mata, bahkan terbinanya ia di atas paksi al-Quran dan sunah sebagai pegangan.
- 3) Ketika kita mempelajari tempoh masa hidup al-Mājiṛī; kita dapati bahawa pembelajaran bahasa telah pun berkembang, bahkan para ulama kalam berdalilkan dengannya secara meluas, dan al-Mājiṛī begitu juga tidak terlepas daripada suasana ini, dengan bukti wujudnya pendalilan bahasa bersama pendalilan aqli dan naqli dalam kitab akidahnya.
- 4) al-Mājiṛī adalah antara tokoh terulung dalam madrasah pemikiran al-Ghazālī di Barat Islam, seperti mana yang jelas termaktub pada tajuk kitab akidahnya, dan banyak rujukannya juga daripada kitab-kitab al-Ghazālī yang digunapakai beserta pengambilan beberapa isi-isi penting daripadanya.
- 5) Akidah al-Mājiṛī adalah merupakan contoh pautan penting pada sejarah perkembangan mazhab al-Ashʿarī di Barat Islam, yang mempunyai ciri-ciri yang jelas pada perkembangan dan penyebarannya, iaitu ketika zaman Dinasti al-Murābiṭī yang keras menghalang bagi menyebarkannya – ilmu kalam – dalam kalangan awam.<sup>42</sup> Maka bersungguh-sungguhlah para ilmuan dalam menyebarkan ilmu ini dalam kalangan masyarakat yang diikat melalui hubungan pembelajaran, dan kebudayaan, dan

<sup>40</sup> *Al-Mājiṛīyyun wa al-Ḥafīẓ al-Mājiṛī al-Kafīf al-Asafī*, 110.

<sup>41</sup> *Ibid.*, 110.

<sup>42</sup> Larangan mengajari akidah al-Ashʿarī kepada orang awam boleh dilihat di: *Taṭānwwur al-Madhab al-Ashʿarī*, 72-73.

- disebabkan itu sinaran kesepaduan secara besar-besaran belum lagi kuat<sup>43</sup>. Maka setelah datang pemerintahan Muwahhidī, ilmu tauhid telah mengalami zaman pembaharuan, dan mereka diberi hak mempelajari semua bidang ilmu berbentuk aqli dan naqli, ditambah lagi dengan perbahasan perkara-perkara *furūʿ*, maka suasana keilmuan semakin menerima kepelbagaian di Maghribi, dan berubah daripada zaman taklid – zaman Dinasti Murābitī – kepada kepelbagaian dan keterbukaan serta berijtihad. Kemudian datang pula zaman pemerintahan Dinasti Marīnī yang berdiri untuk menentang dan melemahkan pemerintahan Muwahhidī.<sup>44</sup>
- 6) Akidah al-Mājiṛī telah menyumbang untuk memperkayakan khazanah akidah di Barat Islam, dan menyumbang kepada pengukuhan mazhab Barat Islam, seperti mana contoh realiti yang telah diberikan mengenai kesatuan antara tiga rukun ini iaitu ilmu kalam al-Ashʿarī, fikah Maliki dan tasawuf yang sunni.

#### Daftar Pustaka:

- ❖ ʿAbd al-Hādī Aḥmad al-Ḥasīsan. *Mazābir al-Nahḍah al-Ḥadīthiyyah fī ʿAbd Yaʿqūb al-Manṣūr al-Muwahhidī*. Tetouan: Maṭbaʿah al-Shūwaykh, 1402H/1982M.
- ❖ Abū ʿAbdillāh Muḥammad bin Abī al-Faḍl Qāsim al-Makkī al-Kūmī al-Tūnisī. *Taḥrīr al-Maṭālib li Ma Tadammanathu ʿAqīdah Ibnī al-Ḥāḍib*. ed. Nizār Ḥammādī. Beirut: Muʿassasah al-Maʿarif, ed. 1, 1429H/2008M.
- ❖ Abū ʿAbdillāh Muḥammad bin Muḥammad bin ʿAbd al-Malik al-Murākushī. *al-Dḥayl wa al-Takmilah li Kitābay al-Mawṣūl wa al-Ṣilah (al-Sifr al-Sādīs)*. ed. Iḥsān ʿAbbās. Beirut: Dār al-Thaqāfah, ed. 1, 1973M.
- ❖ Abū ʿAbdillāh Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī. *al-Muqaddimāt*. ed. Nizār Ḥammādī. Beirut: Muʿassasah al-Maʿarif, ed. 1, 1430H/2009M.
- ❖ ----- . *Sbarḥ al-Muqaddimāt*. ed. Nizār Ḥammādī. Beirut: Muʿassasah al-Maʿarif, ed. 1, 1430H/2009M.
- ❖ Abū ʿAmr ʿUthmān al-Salālijī, *al-ʿAqīdah al-Burbāniyyah wa al-Fuṣūl al-ʿImāniyyah*. ed. Nizār Ḥammādī. Beirut: Muʿassasah al-Maʿarif, ed. 1, 1429H/2008M.
- ❖ Abū ʿUthmān Saʿīd bin Muḥammad al-ʿUqbānī. *Sbarḥ al-ʿAqīdah al-Burbāniyyah*. ed. Nizār Ḥammādī. Beirut: Muʿassasah al-Maʿarif, ed. 1, 1429H/2008M.
- ❖ Abū al-Faḍāʾil al-Ḥasan bin Muḥammad al-Saghānī. *al-Mawḍūʿāt*. Dicitak bersama kitab *al-Durr al-Multaqaṭ fī Bayān al-Ghalaṭ*. ed. Abū al-Fadā ʿAbdullāh al-Qāḍī. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, ed. 1, 1405H/1985M.
- ❖ Abū al-Maʿālī al-Juwaynī. *al-ʿAqīdah al-Niẓāmiyyah*. ed. Muḥammad al-Zabīdī. Beirut: Dār Sabīl al-Rashād – Dār al-Nafāʾis, ed. 1, 1424H/2003M.

<sup>43</sup> Ibid., 51-75.

<sup>44</sup> Muḥammad al-Manūnī, *Waraqāt ʿan Ḥaḍārah al-Marīniyyīn* (Rabat: Fakulti Sastera dan Sains Kemanusiaan, ed. 2, 1416H/1996M), 310.

- ❖ Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘īl al-Ash‘arī. *al-Luma’ fī al-Radd ‘ala Abl al-Zaygh wa al-Bida’*, ed. Muḥammad Amīn al-Dāwī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, ed. 1, 1421H/2000M.
- ❖ Abū Ḥamid al-Ghazālī. *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*. Būlāq: al-Maṭba‘ah al-Amīriyyah, 1325H.
- ❖ Fakhr al-Dīn al-Rāzī. *Ma‘ālim ‘Uṣūl al-Dīn*. ed. Nizār Ḥammādī. Kuwait: Dār al-Ḍiyya’, ed. 1, 1433H/2012M.
- ❖ Khālīd Zahrī. *al-Fiqh al-Mālikī wa al-Kalām al-Ash‘arī: Muḥāwalah li Ibrāz Baḍ Malāmiḥ al-Ibda’ al-Kalāmī wa al-Ṣūfī ‘Inda Fuqahā’ al-Maghrib*. Casabalanca: Dār al-Rashād al-Ḥadīthah, ed. 1, 1432H/2011M.
- ❖ -----. *Min ‘Ilm al-Kalām ilā Fiqh al-Kalām: Muqārabah li Ibrāz Ma‘ālim al-Tajdīd al-Kalāmī ‘Inda Fuqahā’ wa Ṣūfīyyah al-Maghrib*. Kuwait: Dār al-Ḍiyya’, ed. 1, 1438H/2017M.
- ❖ -----. *al-Mashārī‘ al-Maghribīyyah li al-‘Aqīdah al-Ash‘ariyyah ‘ala ‘Abd al-Dawlah Muwahḥidiyyah, Majallah al-Wāḍiḥah*. Mu‘assasah Dār al-Ḥadīth al-Ḥasaniyyah, no. 9, 1435H/2014M.
- ❖ -----. *Fibris al-Kutub al-Makḥūṭaṭ fī al-‘Aqīdah al-Ash‘ariyyah*. Rabat: al-Khizānah al-Ḥasaniyyah.
- ❖ Lisān bin al-Khaṭīb. *Miṣyār al-Ikḥiyār fī Dbiker al-Ma‘āhid wa al-Diyār*. ed. Kamāl Shabānah. Maghribi: Maṭba‘ah Faḍālah, 1976M.
- ❖ -----. *Nafādh al-Jarāb fī ‘Alālat al-Igḥtirāb wa al-Diyār*. ed. Aḥmad Mukhtār al-‘Abbādī. Casablanca: Dār al-Nashr al-‘Arabiyyah.
- ❖ Muḥammad al-Manūnī. *Waraqāt ‘an Ḥadārah al-Marīniyyīn*. Rabat: Fakulti Sastra dan Sains Kemanusiaan Universiti Muhammad V, ed. 2, 1416H/1996M.
- ❖ Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman al-Sakhāwī. *al-Maqāsid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Musṭabarah ‘ala al-‘Alsinah*. ed. Muḥammad ‘Uthmān al-Khasht. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, ed. 3, 1417H/1997M.
- ❖ Muḥammad bin Sharīfah. *Asḥal al-Ṭuruq ila Fahm al-Mantiq*. dicetak bersama kitab *al-Ḥāfiẓ al-Mājirī wa al-Mājirīyyūn*. Āsafī: Jam‘iyyah Āsafī li al-Baḥṭh fī al-Turāth al-Dīnī wa al-Tārikhī wa al-Fannī, ed. 1, 2009M.
- ❖ -----. *al-Mājirīyyūn wa al-Ḥāfiẓ al-Mājirī al-Kafīf al-Āsafī (Kurun ke 6-7 H)*. Āsafī: Jam‘iyyah Āsafī li al-Baḥṭh fī al-Turāth al-Dīnī wa al-Tārikhī wa al-Fannī, ed. 1, 2009M.
- ❖ Muḥammad bin Sulaymān al-Juzūlī. *‘Aqīdah al-Juzūlī*. ed. Khālīd Zahrī. Kuwait: Dār al-Ḍiyya’, ed. 1, 1435H/2014M.
- ❖ Muẓaffar bin ‘Abdillāh al-Muqtaraḥ. *Sharḥ al-Irshād fī ‘Ulūm al-‘Itiqād*. ed. Nazīhat Am‘ārīj. Tetouan: Markaz Abī al-Ḥasan al-Ash‘arī li al-Dirāsāt wa al-Buhūth al-‘Aqdiyyah, ed. 1, 1435H/2014M.
- ❖ Yūsuf Iḥnānah. *Tatawwur al-Madbbah al-Ash‘arī fī al-Gharb al-Islāmī*. Rabat: Kementerian Wakaf dan Urusan Islam di Maghribi, ed. 2, 2007M.